



PEMATUHAN KESELAMATAN

UNIT KAWAL SELIA DAN PENGUATKUASAAN



Isi Kandungan

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
1	Apakah maksud Pematuhan Keselamatan (SC) dan Skop	1
2	Objektif SC	2
3	Proses Kerja SC	3
4	Tanggungjawab	4
5	Jenis-Jenis Kesalahan di Lembaga Pelabuhan Kuching	5
6	Garis Panduan Bekerja di Tempat Tinggi	6
7	Proses	8
8	Tindakan yang diambil bagi yang melanggar <i>Safety Compliance</i> (SC)	9
9	Tindakan yang diambil bagi yang melanggar larangan merokok di zon larangan merokok	10
10	Maklumat Tambahan	11
11	Soalan-soalan Lazim (FAQ)	12
12	Lampiran	14



Apakah maksud Pematuhan Keselamatan / Safety Compliance (SC)?

Tindakan pentadbiran yang diambil terhadap mana-mana **individu (Staf / Kontraktor / Pengguna Pelabuhan / Pelawat)** yang melanggar Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan 2022), *The Port Authorities Ordinance 1961 (Control of Entry and Security) Regulations, 1961* dan memorandum pejabat oleh Lembaga Pelabuhan Kuching (LPK) bertarikh 10 Jun 2003 berkaitan tatacara mengenakan amaun kompaun / denda atas kesalahan yang dilakukan.

Pelaksanaan Pematuhan Keselamatan telah dipersetujui mulai 1 Mei 2024.

Skop

SC merangkumi semua aktiviti dalam kawasan pelabuhan dan melibatkan **semua staf, pengguna pelabuhan, kontraktor dan pelawat**.



Objektif SC

1. Untuk menyediakan platform bagi mengambil tindakan pentadbiran terhadap staf / kontraktor / pengguna pelabuhan dan pelawat yang melanggar Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan 2022), *The Port Authorities Ordinance 1961 (Control of Entry and Security) Regulations*, 1961 dan memorandum pejabat oleh Lembaga Pelabuhan Kuching (LPK) bertarikh 10 Jun 2003 berkaitan tatacara mengenakan amaun kompaun / denda atas kesalahan yang dilakukan.
2. Untuk memberi kesedaran kepada staf / kontraktor / pengguna pelabuhan / pelawat untuk mematuhi peraturan dan undang-undang.



Carta Aliran Mudah Proses Kerja SC

Pesalah



**Pegawai
Penguatkuasa**



**Pengurus Kawal Selia
dan Penguatkuasa,
disaksikan oleh Penyelia**




Unit Sekuriti



**Kesalahan
Pertama**

**Kesalahan
Ke-2**

**Kesalahan
Ke-3 – Ke-5**





Tanggungjawab

Pegawai Penguatkuasa	Pengurus Kawal Selia dan Penguatkuasa	Unit Penguatkuasaan dan Sekuriti
<ol style="list-style-type: none">1. Mengenalpasti kesalahan2. Konsultasi dengan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan bagi kes tertentu3. Mengeluarkan Borang SC4. Salinan Borang SC untuk dihantar kepada Penyelia	<ol style="list-style-type: none">1. Mengadakan sesi konsultasi bersama pesalah tentang kesalahan2. Sebagai rujukan dalam memastikan pesalah tidak mengulangi kesalahan yang sama3. Disaksikan oleh Penyelia	<ol style="list-style-type: none">1. Mendapat Borang SC2. Melaksanakan Prosedur Pengkompaunan



JENIS-JENIS KESALAHAN DI LEMBAGA PELABUHAN KUCHING

No	Kesalahan	Penjelasan
1	Tidak memakai alat pelindung diri (PPE) yang lengkap mengikut prosedur kerja selamat (SWP)	Pemakaian PPE tidak lengkap, tidak sempurna atau tidak sesuai
2	Menjalankan kerja tanpa mematuhi prosedur kerja selamat (SWP)	Mengabaikan atau gagal mengikut prosedur kerja selamat (SWP) yang disediakan
3	Tidak melaksanakan aktiviti pembersihan yang mengundang kepada kemalangan	Membiarakan sebarang peralatan atau bahan yang berpotensi mendorong bahaya di tempat kerja (Keadaan tidak selamat)
4	Menggunakan peralatan yang rosak atau tidak selamat	Menggunakan peralatan yang rosak boleh mendorong bahaya dan berpotensi mengakibatkan kemalangan
5	Gagal memberi amaran atau teguran kepada staf / kontraktor / pengguna pelabuhan / pelawat tentang potensi bahaya disebabkan proses kerja	Kegagalan memberi amaran, teguran atau memberi taklimat keselamatan atau tiada bukti / dokumen sokongan
6	Menjalankan kerja atau aktiviti yang boleh mendorong bahaya kepada orang lain	Gagal menjalankan penilaian risiko di tempat kerja. Gagal memaklumkan terus aktiviti berisiko kepada staf atau penyelia
7	Bermain-main di tempat kerja	Aktiviti melibatkan kelakuan tidak selamat
8	Merokok	Merokok di zon larangan merokok



Garis panduan bekerja di tempat tinggi

Kontraktor yang melakukan **aktiviti bekerja di tempat tinggi melebihi 3 meter dalam kawasan KPA** wajib mempunyai **kad bekerja di tempat tinggi yang SAH** dari badan pengajar yang sah seperti *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)* sebelum mereka dibenarkan untuk melakukan apa-apa kerja. Kontraktor juga wajib menyediakan alat-alat pencegahan jatuh seperti tali hayat, papan dan menggunakan abah-abah keselamatan pada setiap masa ketika bekerja di tempat tinggi. Hal ini demikian untuk menggalakkan amalan kerja selamat dan menyasarkan standard bagi mengelak kecederaan kepada pekerja disebabkan jatuh. Garis panduan ini merangkumi seksyen yang relevan dalam **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994**.

- **Seksyen 15:** Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada pekerja mereka.
- **Seksyen 15 (2) (c)** Pengadaan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan sebagaimana yang perlu untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan dan kesihatan pekerjanya yang sedang bekerja.




Garis panduan bekerja di tempat tinggi (samb.)

- 24. Kewajipan am pekerja yang sedang bekerja (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pekerja yang sedang bekerja –
 - a) Untuk memberikan perhatian yang munasabah bagi keselamatan dan keselamatan dirinya dan orang lain yang mungkin terjejas oleh tindakan atau peninggalannya semasa bekerja;
 - b) Untuk bekerjasama dengan majikannya atau mana-mana orang lain dalam menunaikan apa-apa kewajipan atau kehendak yang dikenakan ke atas majikan atau orang lain itu melalui Akta ini atau mana-man peraturan yang dibuat di bawahnya;
 - c) Untuk memakai atau menggunakan pada sepanjang masa apa-apa kelengkapan atau pakain perlindungan yang diadakan oleh majikan bagi maksud mencegah apa-apa risiko kepada keselamatan dan kesihatannya; dan
 - d) Untuk mematuhi apa-apa arahan atau langkah tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diperkenalkan oleh majikannya atau mana-mana orang lain melalui atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Sekiranya kontraktor gagal mengikut garis panduan, kemudian mereka boleh diarahkan untuk berhenti bekerja dengan segera.



Proses





Tindakan yang diambil bagi yang melanggar Safety Compliance (SC)

Kesalahan	Perkara	Staf	Kontraktor	Pengguna Pelabuhan dan Pelawat
Prosedur untuk setiap kesalahan	Borang SC	✓	✓	
	Amaran Lisan	✓	✓	✓
	Salinan Borang SC untuk Pegawai Keselamatan dan Kesihatan – Setiausaha SC	✓	✓	
Kesalahan Pertama	Setiausaha SC	Mengemaskini Borang SC	Mengemaskini Borang SC	Amaran Lisan
Kesalahan Ke-2	Tindakan Pentadbiran	Amaran bertulis oleh REM dan disaksikan oleh Penyelia	Amaran bertulis oleh REM dan disaksikan oleh pihak yang bertanggungjawab	Amaran bertulis oleh REM dan disaksikan oleh pihak yang bertanggungjawab
Kesalahan Ke-3	Tindakan Pentadbiran	*Kompaun RM 300.00	*Kompaun RM 300.00	*Kompaun RM 300.00
Kesalahan Ke-4	Tindakan Pentadbiran	*Kompaun RM 400.00	*Kompaun RM 400.00	*Kompaun RM 400.00
Kesalahan Ke-5	Tindakan Pentadbiran	*Kompaun RM 500.00 atau dirujuk kepada jawatankuasa disiplin	*Kompaun RM 500.00 atau dicaj di mahkamah	*Kompaun RM 500.00 atau dicaj di mahkamah

* Memorandum pejabat oleh Lembaga Pelabuhan Kuching (KPA) bertarikh 10 Jun 2003 berkaitan tatacara mengenakan amaun kompaun / denda atas kesalahan yang dilakukan.



Tindakan yang diambil bagi yang melanggar larangan merokok di zon larangan merokok

Kesalahan	Perkara	Staf	Kontraktor	Pengguna Pelabuhan dan Pelawat
Prosedur untuk setiap kesalahan	Borang SC	✓	✓	
	Amaran Lisan	✓	✓	✓
	Salinan Borang SC untuk Pegawai Keselamatan dan Kesihatan – Setiausaha SC	✓	✓	
Kesalahan Pertama	Setiausaha SC	*Rekod amaran pertama dikeluarkan oleh pegawai Penguatkuasa.	*Rekod amaran pertama dikeluarkan oleh pegawai Penguatkuasa.	*Rekod amaran pertama dikeluarkan oleh pegawai Penguatkuasa.
Kesalahan Ke-2	Tindakan Pentadbiran	*Rekod amaran kedua	*Rekod amaran kedua	*Rekod amaran kedua
Kesalahan Ke-3	Tindakan Pentadbiran	*Diarahkan keluar dari kawasan pelabuhan	*Diarahkan keluar dari kawasan pelabuhan	*Diarahkan keluar dari kawasan pelabuhan

* Section 16, The Kuching Port Authority By-Laws, 1961.



Maklumat Tambahan

1. Pegawai Penguatkuasa perlu memastikan bukti yang munasabah seperti gambar, video, dokumen, saksi dan lain-lain.
2. Kesalahan ditentukan menerusi sesi konsultasi dan perbincangan dengan Pengurus Kawal Selia dan Penguatkuasa dan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan.
3. Tandatangan / pengesahan daripada pesalah diperlukan dan dikira sah dengan bukti seperti gambar, video, dokumen, saksi dan lain-lain. (jika disabitkan kesalahan).
4. Kesalahan pertama / ke-2 / ke-3 melibatkan pelbagai kes dalam satu masa adalah dikira sebagai **satu kesalahan sahaja** – dalam 1 borang SC yang sama.
5. Borang SC boleh dikeluarkan secara terus atau kemudian (*backdate issued*)



Soalan – Soalan Lazim (FAQ)

1. Bolehkah pegawai Penguatkuasa menjalankan SC di luar kawasan Lembaga Pelabuhan Kuching (LPK)?

Jawapan: Tidak, pegawai Penguatkuasa hanya boleh memantau atau menjalankan SC di dalam kawasan LPK.

2. Bolehkan tindakan SC diambil terhadap kedua-dua kontraktor and staf LPK?

Jawapan: Ya bergantung kepada situasi. Contohnya, tindakan SC boleh dikenakan terhadap staf LPK yang gagal memberi amaran atau peringatan kepada kontraktor mengenai potensi bahaya yang mungkin berlaku disebabkan proses kerja (Kesalahan No. 5). Tindakan SC juga boleh dikenakan terhadap kontraktor yang menjalankan kerja tanpa mematuhi prosedur kerja selamat. (Kesalahan No. 2).

3. Bolehkan tindakan SC diambil terhadap perokok yang merokok di zon larangan merokok?

Jawapan: Ya. Walau bagaimanapun, merokok adalah dibenarkan di zon merokok.



Soalan – Soalan Lazim (FAQ)

4. Bagaimanakah cara mengeluarkan SC kepada pesalah?

Jawapan: Pegawai Penguatkuasa perlu memastikan bukti yang munasabah seperti gambar, video, dokumen, saksi dan lain-lain beserta dengan tandatangan / pengesahan daripada pesalah. Borang SC boleh dikeluarkan secara terus oleh pegawai Penguatkuasa atau kemudian (backdate issued) oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan selepas sesi konsultasi bersama Pengurus Kawal Selia dan Penguatkuasa. Pesalah yang gagal menandatangani borang SC masih dikira sebagai kesalahan SC.



Memorandum Pejabat oleh Lembaga Pelabuhan Kuching (KPA) bertarikh 10 Jun 2003 berkaitan tatacara mengenakan amaun kompaun / denda atas kesalahan yang dilakukan

KUCHING PORT AUTHORITY
Office Memorandum

To: Chief Security Officer

Date: 10 June 2003

COMPOUNDING OF OFFENCES
GUIDELINE ON COMPOUNDING AMOUNT
CONTROL OF ENTRY AND SECURITY REGULATIONS

Further to the Office Memorandum dated 11 March 2003, compound rate for the third offence under sections 15 to 19 of Control of Entry and Security Regulations should read as RM500 or Charge in Court instead of RM200.

With the above amendment, the compound rates are as follows:

<u>Control of Entry and Security Regulations</u> (Illegit Parking - Sec. 9 , Sec. 8 - Without Valid Pass)	
<u>Section 3 to Section 14</u>	
1. First Offence	RM 50
2. Second Offence	RM100
3. Third Offence	RM150
4. Fourth Offence onwards	RM200 or Charge in Court

<u>Control of Entry and Security Regulations</u> (Littering , Spillage - Sec. 17 & Sec. 18)	
<u>Section 15 to Section 19</u>	
1. First Offence	RM300
2. Second Offence	RM400
3. Third Offence onwards	RM500 or Charge in Court

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Liu Moi Fong".

[Liu Moi Fong]
General Manager

cc AGM(O)
AGM(F&A)
AGM(B&D)

C/KPA/0136



Borang Pematuhan Keselamatan

Kesalahan pertama dan ke-2

Borang Pemantauan Salah Laku

No.	Nama	No. Staf	Tarikh	Masa	Lokasi	Kesalahan Kali Pertama	Kesalahan Kali Kedua	Kesalahan Kali Ketiga

Direkod oleh		Tandatangan pelaku		Tanda tangan Ketua Kumpulan / WTO / Wharf foreman / SIC	
Nama		Nama		Nama	
No. Staf		No. Staf		No. Staf	

No.	Nama	No. Staf	Tarikh	Masa	Lokasi	Kesalahan Kali Pertama	Kesalahan Kali Kedua	Kesalahan Kali Ketiga

Direkod oleh		Tandatangan pelaku		Tanda tangan Ketua Kumpulan / WTO / Wharf foreman / SIC	
Nama		Nama		Nama	
No. Staf		No. Staf		No. Staf	

No.	Nama	No. Staf	Tarikh	Masa	Lokasi	Kesalahan Kali Pertama	Kesalahan Kali Kedua	Kesalahan Kali Ketiga

Direkod oleh		Tandatangan pelaku		Tanda tangan Ketua Kumpulan / WTO / Wharf foreman / SIC	
Nama		Nama		Nama	
No. Staf		No. Staf		No. Staf	



Borang Pematuhan Keselamatan

Kesalahan ke-3 – ke-5


KUCHING PORT AUTHORITY
FAILURE TO COMPLY WITH PPE (SECTION 19)
(SECURITY SECTION)

(A) To be filled by Security Personnel:

TO:

TAKE NOTICE: That you have breached Section 19, Kuching Port Authority (Control of Entry and Security) – (Amendment) Regulations, 2003 (Failure To Comply With Personal Protective Equipment) on:

DATE: TIME:

PLACE:

Issued by:

Name and Rank

(B) To be filled by Offender:

I, I/C No:

Hereby admitted that I have committed the above offence and liable for the following compound fee payable within **14 days** of the offence committed.

1 st Offence	RM 300.00
2 nd Offence	RM 400.00
3 rd Offence	RM 500.00 or charge in court

Signature: Contact No:

Address:

NOTE: This notice will remain in force for **(14)** days from the date of the issue of this notice. If payment is not received within that period, you would be "**BANNED ENTRY**" into the port area until further notice

CC. Offender:
Main gate PP/PSN
Investigation Unit



Terima Kasih